



BAHAGIAN KABINET, PERLEMBAGAAN DAN
PERHUBUNGAN ANTARA KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
ARAS 4 TIMUR, BANGUNAN PERDANA PUTRA,
61502 PUTRAJAYA



PENGKERTIFIKAN MS ISO 9001:2000
No. Pendaftaran: PA 0082
TELEFON: 03-88881957
FAX: 03-88893090
KAWAT: PERDANA
<http://www.kabinet.jpm.my>

**BORANG PENGHANTARAN DOKUMEN TERPERINGKAT
SULIT/TERHAD MELALUI MESIN FAKSIMILI**

MAKLUMAT DOKUMEN

NO. FAKS PENERIMA

: 088-254799

NOMOR RUJUKAN &
TARIKH SURAT

: 665) dlm. PM (BK) R. 10607 T1.8
17/6/2008

PERKATA/TAJUK DOKUMEN

: Pencatutan All Dewan Reger.

BIL. MUKA SURAT (Termasuk
muka surat ini)

: 4 (termasuk m/s ini)

TARIKH DOKUMEN
DIHANTAR

: 17/6/08 Jam 10.13 Pagi.

MAKLUMAT PENERIMA

NAMA PENERIMA

: Y.BHG. DATUKSERI PANG LIMA
YONG TEEH CEE.

NAMA JAWATAN
NAMA JABATAN

MAKLUMAT PENGIRIM

NAMA PEGAWAI

: MOHAMED ARIFFIN AYUB

JAWATAN

: KPSU CC)

AMARAN

MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN INI ADALAH HANYA UNTUK
KEGUNAAN PEGAWAI YANG TELAH DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MENERIMA
DOKUMEN INI. MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN INI ADALAH SULIT
DAN TERHAD. PENGGUNAAN DOKUMEN INI TANPA KEBENARAN, PEMBOCORAN
MAKLUMAT ATAU MEMBUAT SALINAN DOKUMEN INI ADALAH TIDAK DIBENARKAN DAN
ADALAH JUGA SATU KESALAHAN DI BAWAH AKTA RAHSIA RASMI 1972. SEKIRANYA
PIHAK PENERIMA MENDAPATI DOKUMEN TERPERINGKAT SULIT/TERHAD YANG
DITERIMA BUKA, UNTUKNYA, DOKUMEN INI PERLU DIKEMBALIKAN KEPADA PIHAK
PENGHANTAR.

TANDATAN/PENGHANTAR

:

PENGESAHAN PENGURUS
BAHAGIAN

: 17/6/08

CATATAN: Sila hubungi pegawai penerima sebelum dokumen dihantar.



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KABINET)
BAHAGIAN KABINET, PERLEMBAGAAN DAN
PERHUBUNGAN ANTARA KERAJAAN,
KUALA LUMPUR, BANGUNAN PERDANA MENTERI,
ARAS 4 TIMUR, BANGUNAN PERDANA PUTRA,
62502 PUTRAJAYA



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2000
No. Pendaftaran: PA 0062
TELEFON: 03-88881300
FAX: 03-88883320
KAWAT: PERDANA

RAHSIA

(65) dlm. PM(BK)R. 10607 Jld. 38

17 Jun 2008

Y.Bhg. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee,
P.O.Box 13872,
88844 Kota Kinabalu,
SABAH.

Y.Bhg. Datuk,

Pencalonan Sebagai Ahli Dewan Negara

Dengan hormatnya adalah dimaklumkan bahawa Y.Bhg. Datuk telah dicalonkan untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

2. Sebelum pencalonan ini dikemukakan untuk perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Y.Bhg. Datuk diminta memberi perhatian kepada peruntukan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan mengenai "hilang kelayakan menjadi Ahli Parlimen" seperti di **Lampiran.**

3. Oleh yang demikian, Y.Bhg. Datuk adalah diminta mengesahkan secara bertulis dengan secepat mungkin sama ada:

3.1 berdasarkan kepada peruntukan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan, Y.Bhg. Datuk layak menjadi Ahli Dewan Negara;

3.2 Y.Bhg. Datuk pernah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara sebelum ini (jika ya, sila nyatakan tempoh pelantikan tersebut); dan

3.3 Y.Bhg. Datuk bersetuju untuk dicalonkan.

RAHSIA

4. Y.Bhg. Datuk adalah diminta memelihara **kerahsiaan** perkara ini dan tidak memaklumkan kepada pihak-pihak yang tidak sepatutnya mengetahuinya.

5. Sekali a Y.Bhg. Datuk dapat menyegerakan perkara ini untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih jua.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(TAN SRI M. AZIDAH ABDUL MAJID)

LAMPIRAN**Kehilangan kelayakan menjadi Ahli Parlimen**

48. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, seseorang hilang kelayakan untuk menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen jika –

- (a) dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal; atau
- (b) dia seorang bankrap belum lepas; atau
- (c) dia memegang sesuatu jawatan berpendapatan; atau
- (d) setelah dinamakan untuk pemilihan ke mana-mana satu Majlis Parlimen atau ke Dewan Undangan sesuatu Negeri, atau setelah bertindak sebagai ejen pilihan raya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, dia tidak menyerahkan apa-apa penyata perbelanjaan pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki sedemikian; atau
- (e) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan (atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah atau Sarawak atau di Singapura) dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan bebas; atau
- (f) dia telah dengan sukarela memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan, atau telah dengan sukarela menggunakan hak kewarganegaraan di mana-mana negara di luar Persekutuan atau telah membuat suatu akuan setia kepada mana-mana negara di luar Persekutuan.

(2) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghilangkan kelayakan untuk menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen selama tempoh yang dinyatakan oleh undang-undang itu, orang yang melakukan kesalahan berkaitan dengan pilihan raya; dan mana-mana orang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan sedemikian atau dibuktikan dalam prosiding yang berhubungan dengan sesuatu pilihan raya sebagai bersalah atas perbuatan yang menjadikannya kesalahan itu, adalah dengan demikian itu hilang kelayakan selama tempoh yang dinyatakan sedemikian.

(3) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (d) atau perenggan (f) Fasal (1) boleh dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan, jika tidak dibatalkan sedemikian, hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun yang bermula dari tarikh penyata yang disebut dalam perenggan (d) tersebut dikehendaki diserahkan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari tarikh orang yang disabitkan sebagai mana yang disebut dalam perenggan (e) tersebut dilepaskan daripada hukuman atau dari tarikh denda yang disebut dalam perenggan (e) tersebut dikenakan ke atas orang itu dan seseorang tidaklah boleh dihilangkan kelayakannya di bawah perenggan (f) Fasal (1) semata-mata oleh sebab apa-apa yang dilakukan olehnya sebelum dia menjadi warganegara.